

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Hadi Fayyadh
Ketika Azazil Berputus Asa : Runtuohnya Dominasi Empayar Iblis

Pulau Pinang : IQES Tijarah Trading, 2016. 300 ms.
ISBN 978-967-14276-1-3

ULASAN

“Sesungguhnya kiamat, kemunculan dajjal, dan Imam Al-Mahdi serta Nabi Isa A.S termasuk di dalam rahsia dan ilmu Allah. Ia telah disampaikan oleh Rasulullah SAW melalui beberapa tanda, bagaimana ia berlaku, itu adalah urusan Allah”.

Buku ini memberikan satu gambaran imaginasi dari penulis, disulami dengan ayat-ayat suci Al-Quran bersama dengan hadis-hadis berkenaan kedatangan Dajjal, Imam Mahdi dan Nabi Isa A.S. Karya ini merupakan percubaan oleh penulis untuk merungkai tanda-tanda kiamat dalam bentuk fiksyen. Azazil atau iblis bukanlah plot utama karya ini walaupun judulnya begitu dominan menggambarkan ia adalah watak utama dalam penceritaan. Novel ini berkisar mengenai kembara seorang saintis astronomi, Prof. Dr. Fadh, seorang *atheist* yang tidak percaya akan kewujudan Tuhan. Prof. Dr. Fadh merupakan seorang pakar astronomi dan melalui ilmunya beliau cuba mencari bukti kewujudan Tuhan dan menemukannya dengan satu

bintang yang telah tersasar dari kedudukannya dan menjadi punca fenomena bencana alam yang begitu dahsyat di seluruh dunia. Beliau tidak mempercayai bahawa adanya Tuhan yang berkuasa mencipta alam ini. Baginya setiap yang berlaku merupakan rotasi alam yang berlaku secara semulajadi.

Plot cerita berterusan dengan usaha sehingga membawa pengembaraan Prof Dr Fadh ke bumi Mekah untuk mencari jawapan kepada misteri. Di Mekah Prof Dr Fadh telah menemui seorang Syeikh yang bijaksana yang telah berjaya menerangkan mengenai kewujudan Tuhan dari sudut Islam melalui bukti-bukti dan dalil-dalil al-quran dan hasilnya beliau telah mengucapkan syahadah.

Buku ini menerangkan secara jelas tanda-tanda ambang kiamat dan salah satunya adalah tanda-tanda kemunculan dajjal. Penulis berjaya menggambarkan dajjal dengan teperinci dalam bentuk fiksyen semasa watak Prof Dr Fadh sedang bermimpi. Buku ini memberi kesedaran betapa dekatnya kita dengan hari kiamat serta menyedarkan muslimin dan muslimat daripada tipu daya iblis dan syaitan serta taktik-taktik dan tipu daya pihak barat terhadap umat Islam di akhir zaman.


Pengulas mengesyorkan buku ini dibaca oleh semua golongan kerana penulis berjaya menghasilkan karya fiksyen yang boleh menolong membuka hati dan minda pembaca untuk kembali kepada Tuhan Yang Esa kerana penceritaannya disokong dengan ayat-ayat al-Quran dan hadith. Bagi merasai pengalaman atau kembara penceritaan yang luar biasa, karya ini disyorkan dibaca sambil mendengar muzik yang perlahan dengan lagu berjudul Epic Hybrid Trailer atau Zion Rising atau Nasheed Sultan Muhammad Al-Fateh yang boleh dimuat turun di YouTube.

Pengulas

Zalina Abdul Rahim
Penolong Pengarah
Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



KHAIRUL ABDULLAH

Mentaliti Jamban

Batu Caves, Selangor : KOMRAD BUKU, 2017. 205
m.s.

ISBN 978-967-137-004-9

ULASAN

“Mentaliti Jamban”. Sebuah buku garapan penulis untuk mengupas mentaliti masyarakat Malaysia dan perbandingan dengan negara-negara maju. Tajuk yang dipilih sudah jelas untuk menggambarkan pemikiran masyarakat Malaysia. Wawasan 2020 hanya berbaki beberapa tahun lagi. Negara kita ingin merialisasikan hasrat sebagai sebuah negara maju. Namun, bagaimana pula dengan sikap dan mentaliti kita? Apakah kemajuan ekonomi sahaja sudah cukup untuk dibanggakan oleh masyarakat dan usah peduli soal pemikiran dan sikap masyarakat?

Penulis berharap melalui medium penulisan, ia dapat menjadi pemangkin kepada perubahan sikap dan mentaliti masyarakat Malaysia. Tulisan dari seorang yang mempunyai pengalaman yang agak luas dalam dunia *backpacker* dan kembara serta pernah mengunjungi banyak bandar di dunia diharap dapat dikongsi dalam menyokong serta bersama-sama melakukan perubahan demi merealisasikan Wawasan 2020 sebagai negara maju bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga mempunyai sikap dan mentaliti masyarakat kelas pertama.

Tajuk buku ini sahaja sudah menimbulka perbualan di kalangan masyarakat. Penulis bertujuan memberi kesedaran dan mengubah mentaliti masyarakat Malaysia. Tidak semua masyarakat masih bermentaliti buruk namun bagi meningkatkan pemikiran masyarakat perlu membaca buku ini. Jika mahu menjadi negara maju, mentatiliti pentingkan kebersihan harus diubah seiring dengan status Malaysia sebagai sebuah Negara Islam.

Kaedah penyampaian yang digunakan oleh penulis amat jelas melalui perbandingan yang dibuat berdasarkan pengalaman dan pengamatan beliau tentang kehidupan sosial masyarakat di negara yang dilawati seperti Jerman dan Jepun.

Beberapa contoh yang amat ringkas yang biasanya terjadi dalam masyarakat Malaysia pada hari ini adalah tentang kebersihan. Aspek kebersihan tandas-tandas awam amat jauh berbeza jika dibandingkan dengan Negara-negara maju. Mungkin isu kebersihan ini tidak dititikberatkan oleh masyarakat Malaysia disebabkan cara didikan dari awal usia, maka sikap mementingkan menjaga kebersihan amat sukar untuk diterapkan dalam pemikiran masyarakat kita. Jika dilihat pada situasi di jalan raya pula, lihatlah sendiri etika dan sikap kebanyakan pemandu-pemandu kita. Sikap pentingkan diri, tiada tolak ansur, dan tidak hormati pengguna yang lain adalah satu sikap yang harus diambil serius oleh semua pihak.

Hujah penyampaian penulis amat ringkas tetapi padat dengan isu-isu yang sering berlaku dalam majoriti masyarakat Malaysia.

Buku ini adalah perkongsian penulis untuk kita fahami dan hadam sebaik-baiknya. Sikap dan akhlak yang baik yang cuba disampaikan diceritakan dalam buku ini adalah untuk mengajak pembaca untuk melakukan perubahan. Perubahan sikap diri sendiri seterusnya perubahan sikap dalam keluarga dan masyarakat. Gaya penyampaian yang bersahaja dengan contoh-contoh yang diberikan oleh penulis yang sangat jelas berlaku dalam masyarakat kita boleh menyebabkan pembaca tersentap dan menyedari akan tabiat yang mungkin berlaku pada diri sendiri dan terfikir untuk melakukan perubahan. Latar belakang penulis sebagai seorang pereka grafik diterapkan dalam buku ini dengan


rekaan grafik buku yang sangat kreatif dan tidak membosankan pembaca. Pengulas mencadangkan buku ini dibaca oleh semua lapisan pembaca terutama para pembaca muda, sesuai jika ingin melakukan perubahan, mulalah dari usia muda.

Pengulas:

Che Faizatul Hanim binti Mahmood
Bahagian Kandungan Digital
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ROZA ROSLAN
Perca

Petaling Jaya, Selangor : Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2017.
462ms.
ISBN 978-983-09761-9-8

ULASAN

Perca 1 dimulai dengan kisah awal rumah tangga dan perasaan penulis yang sedih meninggalkan keluarga serta sedikit gentar dengan peranan baru sebagai seorang isteri apatah lagi apabila terpaksa mengikut suaminya menyambung pengajian ke luar negara. Pelbagai emosi digambarkan penulis bagi menggambarkan konflik dalam dan perasaan beliau yang gundah, celaru, jiwa hambar dan lain-lain perasaan negatif yang akhirnya membuatkan penulis tiba-tiba tersedar bahawa beliau ingin mencari Tuhan Pencipta alam bagi mencari makna sebenar dalam kehidupan. Pada masa sama, penulis juga berhadapan dengan konflik anak sulung beliau, Sara Fateha yang sukar menyesuaikan diri dengan persekolahan apabila pulang ke Malaysia. Penulis menerima tamparan hebat apabila membaca diari anaknya sehingga menimbulkan rasa kerdil dalam diri beliau.

Seterusnya, penulis menerima tawaran bekerja sebagai pegawai tahap pertengahan sehingga terpaksa berpisah dengan suami dan anak-anak. Suasana kerja diceritakan dengan bersahaja seolah-olah pengalamannya sama di mana-mana. Namun, dedikasi

yang ada dalam diri beliau membuatkan beliau berasa kurang selesa di tempat kerja. Perasaan resah yang berpanjangan mendorong beliau mendekati Pencipta. Bangun menunaikan solat tahajud, berdoa bermohon kekuatan diri. Penulis ingin melihat suaminya berubah mendekati Allah. Janjinya kepada kedua ibu bapa untuk meneruskan pengajian juga membuatkan rasa bersalah hadir dalam diri penulis.

Dengan izinNya, penulis kembali menyambung pengajian sambil bekerja. Peristiwa terlibat dalam kemalangan membuatkan Puan Roza merasa getir mengingati mati. Sejak itu, beliau mula dikelilingi dengan kisah-kisah kematian. Pemergian mengejut dua rakannya diikuti kematian ibu mertua yang sangat dikasihi mengasak jiwa beliau untuk berubah. Berubah mencari redha dalam setiap perlakuan.

Benarlah Allah SWT akan memberi bila kita meminta. Doa-doa kudus penulis saban malam dimakbulkan satu persatu. Menghabiskan pengajian, bertukar unit dalam kerjaya, dan kembali pada keluarga adalah saat-saat indah yang dinikmati penulis. Mengenang nikmat-nikmat yang beliau telah kecapi, beliau tiba-tiba rasa terpanggil untuk menyambut panggilan-Nya untuk ke Mekah namun hasrat tersebut ditolak suaminya dengan jawapan berbisa. Puan Roza mengalah dan memendam rasa tetapi meletakkan keyakinannya kepada Allah. Doa beliau supaya suaminya berubah dipanjatkan tanpa jemu.

Berkat kesabaran seorang isteri serta keajaiban solat tahajud, lambaiyan Kaabah akhirnya benar-benar jadi nyata sehingga mendorong suaminya berubah. Pengalamannya indah sehingga membangunkan rasa pembaca untuk turut serta merindui Kaabah. Perca-perca terakhir banyak menggegarkan emosi pembaca apabila abah dan adik bongsu penulis tiba-tiba disahkan mengidap kanser. Fasa demi fasa diceritakan dengan berkesan. Kesakitan dan keperitannya pasti membuat pembaca hiba. Penulis membuktikan beliau bersungguh-sungguh berusaha menyeimbangkan peranannya sebagai seorang anak, kakak, isteri, ibu dan ibu saudara kepada anak-anak buahnya. Kehilangan kali itu adalah ledakan berganda tetapi penulis menghadapinya dengan ikhlas dan redha sehingga akhirnya penulis bersara dan mengikut suaminya kembali bertugas di luar negara.

Bagi pengulas, PERCA adalah perjalanan hidup yang biasa tapi kisah kegigihan dan usaha penulis telah menghasilkan pengakhiran cerita yang luar biasa impaknya. Cerita yang membangkitkan jiwa untuk bergantung kepada Pencipta dan memberi inspirasi kepada mereka yang kecewa dan terluka. Buku ditutup dengan tangisan air mata, sedih dengan perkongsian PERCA dan dalam masa yang sama, cuba membandingkan diri sendiri di tahap mana adanya kita. Ajal itu pasti tapi penggunaan masa yang ada harus diperbaiki. Perasaan yang lahir itu sukar ditafsir kerana ia menggabungkan sejuta emosi. Cuma apa yang teramat pasti, diri terasa dekat dengan Ilahi.

Pengulas:

Noor Shazila Johari


Penolong Pustakawan

Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



RAFIUDDIN RABU

Ujian/Masharakat

Batu Caves, Selangor: Media Screen Sdn. Bhd, 2016.

151 ms

ISBN 978-967-13700-6-3

ULASAN

Buku bertajuk Masharakat: Diaorang sibuk sebarkan aib kau di media sosial. Hati-hati, Ujian: merungut takkan buat kau kuat. Merupakan sebuah buku yang mempunyai dua tajuk besar. Depan dan belakang terdapat tajuk yang berbeza. Buku ini memaparkan senario masyarakat kita pada masa kini/ seakan kisah peribadi penulis sendiri.

Tajuk Masharakat yang cuba diketengahkan oleh penulis ini dipaparkan dalam 21 sub-tajuk kecil tentang kisah senario masyarakat yang cuba disampaikan oleh penulis bertepatan dengan tajuk buku ini ditulis dengan MASHARAKAT iaitu tentang sikap dan budaya masyarakat setempat yang cepat mentafsir setiap benda mengikut citarasa mereka sendiri.

Setiap sub-tajuk Masharakat dimulakan dengan keadaan sosio-budaya masyarakat. Meskipun perkara-perkara yang diangkat merupakan perkara yang kita lihat sebagai remeh, namun boleh memberi kesan yang amat mendalam terhadap diri, keluarga,

masyarakat dan seterusnya negara.

Saya cukup tertarik dengan sub-tajuk “Aurat untuk Dibelanja”, isu yang diangkat merupakan perkara yang besar dari segi hukum agama, namun sering dipandang sebelah mata sahaja. Kita disajikan dengan aurat yang terdedah sepanjang hari baik secara langsung mahupun secara tidak langsung. Masyarakat sekarang seolah-olah sudah tidak tahu hukum hakam agama apabila berfesyen. Mengikut trend berfesyen ini tidak salah, cuma batasan aurat perlu dijaga. Penulis hanya menfokuskan isu aurat ini khusus untuk wanita sahaja secara amnya. Kaum lelaki juga tidak kurang hebatnya dalam berfesyen. Sebagai contoh bagi kaum lelaki, berseluar jeans dan berbaju singkat menjadi trend fesyen, perkara ini akan menjadi haram apabila melaksanakan ibadat solat, seringkali dapat diperhatikan kaum lelaki apabila ruku’/sujud akan ternampak kawasan aurat (sebahagian punggung) yang wajib ditutup apabila melaksanakan solat.

Tidak kurang menarik adalah topik “Ujian: merungut takkan buat kau kuat”. Ianya memaparkan kisah kehidupan diri penulis sendiri bermula dari awal kelahiran sehingga sekarang. Penulis berasal dari sebuah keluarga yang sederhana yang mempunyai abang dan kakak yang hidup di desa. Zaman awal kanak-kanak sehingga ke zaman persekolahan yang mana penulis merupakan seorang yang cerdik dan sering mendapat keputusan yang cemerlang setiap kali keputusan peperiksaan keluar.

Penulis telah mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma di UiTM, namun ditolak kerana konflik yang timbul dalam diri. Setelah dipujuk oleh guru beliau untuk melanjutkan pengajian ke peringkat STPM, beliau akur walaupun dahulu beliau memandang sebelah mata sahaja dan seterusnya melanjutkan pelajaran di universiti dengan pelbagai ujian terutama kewangan sehingga beliau menjadi jurugambar sambilan untuk mendapat wang. Banyak pengalaman yang beliau perolehi sepanjang bekerja sebagai jurugambar.

Penulis turut membincangkan tentang karier yang mana tanggapan salah masyarakat bahawa seseorang graduan universiti perlu mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang yang dipelajari semasa di universiti. Universiti hanya tempat untuk mengembangkan pemikiran. Para graduan perlu berfikir di luar kotak dalam

mendapatkan pekerjaan, tidak semestinya dalam bidang yang dipelajari. Sekiranya mereka perolehi kerja dalam bidang yang mereka pelajari, itu merupakan satu bonus bagi mereka.


Para graduan juga sering dibelenggu dengan hutang semasa belajar sehingga di alam pekerjaan dengan bebanan hutang PTPTN dan pinjmaan peribadi. Beban hutang PTPTN belum lagi selesai dibayar, kini hutang pinjaman peribadi pula perlu dibayar sedangkan gaji *fresh graduate* sekadar cukup makan sahaja.

Topik akhir adalah tentang kehidupan penulis setelah berkerja dan perasaan sedih apabila ayah beliau mendapat penyakit Tibi. Kehidupan mereka sekeluarga berubah disebabkan penyakit itu boleh berjangkit. Beliau dan adik beradik yang lain bergilir-gilir menjaga ayahnya serta kekecewaan kerana ibunya telah kembali ke pangkuhan llahi sebelum sempat merasi hasil pendapatan penulis sebagai jurufoto sepebuah masa iaitu dua bulan selepas beliau menamatkan pengajian.

Pengulas: **Mohd Fairuz Bin Zakaria**
Penolong Pengarah
Bahagian Kandungan Digital
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ABDUL LATIP TALIP
ENRIQUE MELAKA

Selangor : PTS Publishing House Sdn. Bhd., 2016.

252ms.

ISBN: 978-967-411-832-7

ULASAN

Selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis, bukan sahaja harta negara yang dirampas, malah rakyat Melaka ada yang turut dijadikan tawanan perang. Buku setebal dua ratus lima puluh dua (252) muka surat ini menceritakan kisah sejarah Melaka ditawan Portugis oleh Magellan dan seorang tawanan berbangsa Melayu. Buku ini ditulis dengan gaya naratif bahasa sebuah novel sejarah. Ianya agak berbeza dengan novel-novel biasa yang berada di pasaran. Penulis merujuk pelbagai sumber sejarah dalam menyokong fakta sejarah yang terdapat novel sejarah ini. Penulis turut menggunakan kebijaksanaan beliau bagi menggambarkan suasana dan sokongan gaya bahasa yang agak bersahaja dan santai beliau menggarap novel ini sehingga membuatkan pembaca akan terus menelusuri setiap bab dalam novel ini.

Novel ini mempunyai dua puluh sembilan (29) bab dimana awal penceritaan mengisahkan tentang penerokaan oleh Alfonso de Albuquerque dan anak kapalnya iaitu Magellan berserta dengan gerombolan askar dari Portugal untuk menawan Melaka. Mereka melihat Melaka adalah lokasi yang sangat strategik dalam meluaskan empayar jajahan Portugis.

Antara isi yang dapat menarik pembaca adalah kisah tentang Magellan seorang bekas askar Portugis dan pelayar yang mempunyai seorang tawanan Melayu tersebut yang beliau tidak ketahui nama sebenarnya. Kegigihan tawanan Melayu yang diberi nama Enrique Melaka dalam buku ini dikagumi oleh Magellan yang menyifatkan sebagai tidak mudah putus asa, sentiasa positif kepada perubahan serta memiliki nilai-nilai murni dalam kehidupan yang merupakan asas kepada kejayaan seseorang individu.

Enrique Melaka, sentiasa menemani dan menjaga Magellan semasa belayar ke Lisbon, Oporto serta Maluku sehingga berjaya mencatatkan sejarah sebagai orang Melayu pertama yang berjaya mengelilingi dunia. Beliau yang pada asalnya hanya seorang hamba yang dihadiahkan oleh Alfonso de Albuquerque kepada Magellan telah mendapat kepercayaan dan menjadi lebih dari seorang hamba sahaya, malah telah menjadi sahabat dan sekaligus sebagai pembantu kepada Magellan. Selain itu, beliau tangkas bersilat dan mempunyai kepandaian dalam bahasa sehingga dilantik sebagai penterjemah semasa Magellan ke Maluku.

Mesej sebalik kisah ini adalah, di sebalik peristiwa kejatuhan Melaka ke tangan Portugis, telah menentukan bahawa seorang budak remaja memperoleh peluang untuk melihat dunia antarabangsa yang memberi beliau peluang untuk menimba ilmu dan pengalaman. Penulis turut menyertakan kronologi pengembalaan Enrique Melaka dalam buku ini. Kronologi ringkas ini umpama seperti catatan diari yang mengisahkan bila bermula dan berakhirnya pengembalaan Enrique. Kisah berakhir dengan rombongan Magellan tiba di Pulau Maluku pada 1 haribulan Mei 1521.

Sebagai kesimpulanya, buku ini juga amat sesuai sebagai bacaan umum kepada masyarakat yang ingin mengetahui sejarah Portugis di Melaka dan dalam usaha memartabatkan sejarah asal usul Melaka di zaman penjajahan Portugis.

Pengulas:


Wan Mohd Saiful Bin Mohd Ghazali

Penolong Pustakawan

Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




IZZAT IBRAHIM
Camp De Calais: Satu Ranah Seribu Kisah
Selangor: Must Read Sdn. Bhd., 2017. 180ms.
ISBN 978-967-0392-23-3

Buku ini dihasilkan oleh penulis berdasarkan pengalaman beliau yang pernah berkhidmat sebagai seorang sukarelawan di Kem (Transit) Pelarian Calais, Perancis. Beliau menceritakan tentang suasana dan keadaan yang berlaku di di kem tersebut serta perkongsian pengalaman yang beliau perolehi dan perlukannya menjadi seorang sukarelawan. Beliau menerangkan bagaimana beliau berinteraksi dengan sukarelawan yang lain, terutamanya yang bukan Islam tentang kemurnian agama Islam bagi menunjukkan bahawa medan sukarelawan juga adalah salah satu cara untuk berdakwah. Selain itu, penulis turut menyelitkan cerita tentang kehidupan pelarian yang hidup dalam tekanan dan serba kekurangan yang menyebabkan mereka semakin jauh daripada Allah SWT. Buku ini sesuai untuk mereka yang ingin mendalamai tentang aktiviti sukarela.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




HASANUDDIN YUSUF
**Teknologi Kesultanan
Melaka**
Negeri Sembilan: Cindai
Publications, 2017.
324ms.
ISBN 978-967-13484-4-4

Pelabuhan Melayu Melaka memiliki pelabuhan yang terkaya di dunia di zaman kegemilangannya. Pedagang dari seluruh dunia datang berdagang di Melaka dan menyebabkan Kesultanan Melaka terdedah dengan peradaban asing seperti peradaban Islam dari Timur Tengah serta peradaban China dan Jepun dari Timur. Ini menyebabkan Melaka tidak ketinggalan dari segi sains dan teknologinya berbanding tamadun yang sezaman dengannya. Malangnya, sebahagian dari masyarakat hari ini melihat Melaka hanyalah sebagai sebuah kerajaan yang kuno dan jauh ketinggalan dari segi teknologinya. Berdasarkan catatan sejarawan Portugis, Kesultanan Melaka memiliki teknologi dan peradaban yang boleh dibanggakan. Oleh itu, buku ini menyajikan tentang teknologi dan peradaban dalam sejarah Kesultanan Melayu Melaka berdasarkan catatan-catatan Portugis.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Menu Wanita Kerjaya
Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2017. 44ms.
ISBN 978-967-61-2780-8

Buku ini merupakan kompilasi resepi hidangan enak yang terpilih daripada buku-buku resipi terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Buku ini memuatkan resepi-resepi yang menarik, ringkas dan enak untuk dicuba oleh wanita bekerja yang sentiasa sibuk dengan urusan di pejabat tetapi masih mahu menyediakan juadah untuk keluarga tersayang. Resepi yang terkandung dalam buku ini merangkumi masakan Melayu dan Barat. Pemilihan bahan dan cara memasak diterangkan dengan teperinci dan mudah untuk difahami. Buku ini sesuai untuk yang ingin menyediakan masakan enak dan berkhasiat dalam masa yang singkat. Buku ini diharap dapat member manfaat berguna dan mampu menambahkan koleksi resepi untuk sekeluarga.

SINOPSIS BUKU




NASER AS-SYAFII
59 Pengajaran Cinta Bagi Wanita

Selangor: Jasmin Publications, 2016. 279ms.
ISBN 978-967-0528-82-3

Buku ini menerangkan tentang bagaimana cara untuk wanita mengecapi kebahagiaan melalui rumah tangga. Seorang isteri tidak seharusnya berdikari sendiri tanpa pertolongan dan kerjasama dari pihak suami dalam melayari sesebuah rumah tangga bagi membentuk sebuah keluarga bahagia. Kehidupan memerlukan kita memberi dan menerima. Justeru itu, seorang isteri berhak menerima berdasarkan pemberian yang telah beliau lakukan. Walaupun kebahagian tidak ternilai harganya dan tidak boleh diukur dengan harga, namun kebahagiaan dapat dinilai melalui konsep kasih sayang berdasarkan sikap tolong menolong, saling hormat-menghormati dan menghargai di antara suami isteri. Buku ini menceritakan tentang konsep romantik dan kasih sayang yang bukan hanya pada fizikal dan harta sahaja, namun perlu dilengkapi dengan sifat terpuji dan amalan mulia bagi menjadikan seorang isteri itu tunjang kebahagiaan dalam membina sebuah keluarga yang sakinhah dan mawaddah.

SINOPSIS BUKU



LEX YAP
**Everyone Can Buy
Property**
Selangor: Profesional
Property Guru, 2017. 137p.
ISBN 978-967-14949-0-5

The author of this book started his financial planning service and small investment to build his wealth. He then joined the real estate industry and started his property investment journey. He wrote this book to create for the public awareness in property investment strategies and to assist the potential investors through step-by-step guide to gain their wealth. The author of this book also will guide readers on how to invest in property as a mean of creating a stream of passive income stream. This book also is meant for experienced property investors because it provides various viewpoints on several property myths. Besides that, those who want to learn more about real estate as a career choice may find this book as an insightful book.

SINOPSIS BUKU




MOHD. RIDHUAN TEE
ABDULLAH
**Melayu Berkorban,
Jangan Sampai
Terkorban**

Kuala Lumpur: Utusan
Publication & Distributors
Sdn Bhd, 2017. 202ms.
ISBN 978-967-61-2774-7

Penulisan ini merupakan inspirasi daripada pengamatan penulis terhadap nasib Melayu di bumi Melayu sendiri. Pengorbanan Melayu yang tiada tolok bandingnya telah diambil kesempatan oleh ultra kiasu yang tidak bersyukur dengan apa yang telah dikecapi selama ini. Malahan terus mendesak dan membuat pelbagai ugutan yang melampau. Perpecahan dan kelemahan Melayu ini telah dimanipulasikan sepenuhnya oleh golongan ini dengan mengambil kesempatan dalam segenap peluang dan ruang. Politik tidak sihat sebegini hanya akan mencetuskan perasaan tidak puas hati dan dendam semata-mata. Perlembagaan negara harus dijadikan paksi dan rujukan dalam apa juar perkara. Semoga buku ini dapat menginsafi segelintir pihak yang dilabelkan sebagai ultra kiasu dan wajar dibaca oleh semua golongan.

SINOPSIS BUKU




AZIZAN OSMAN
Kuasai Pemasaran Facebook
Shah Alam, Selangor:
Azizan Osman
Publications, 2014. 85ms.
ISBN 978-967-0703-00-8

Ledakan dan pekembangan media sosial pada masa kini memang tidak dapat dibendung serta dikawal lagi. Faktor perkembangan teknologi turut memainkan peranan terpenting kepada fenomena ini. Namun penggunaan media sosial yang bijak akan memberi impak yang mengagumkan dalam aspek pemasaran perniagaan. Buku *Kuasai Pemasaran Facebook* ini mengandungi segala pengalaman, teknik dan strategi pemasaran Facebook yang telah dihimpunkan oleh penulis berdasarkan pengalaman beliau sendiri untuk dikongsi bersama dengan para pembaca untuk diperaktikkan. Facebook bukan sahaja alat yang menghimpunkan komuniti dan meluaskan komuniti. Malahan menyediakan peluang-peluang kepada pemilik dan bakal pemilik bisnes untuk membuat keuntungan berganda. Facebook adalah satu pusat yang dianggap sebagai lubuk emas oleh para usahawan kerana ia menghimpunkan lebih 1 billion pengguna dari seluruh dunia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




NAJIB RAZAK
Wasatiyyah Idea dan Realiti
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2016. 98ms.
ISBN 978-967-460-340-3

Istilah ‘wasatiyyah’ membawa maksud sederhana, seimbang dan adil yang merupakan tiga unsur yang menjadi tunjang corak kerajaan dalam mentadbir dan menguruskan negara masa kini. Melalui buku ini, YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Najib Tun Razak berkongsi pengalaman dan kejayaan beliau memimpin negara mengharungi beberapa konflik penting di peringkat antarabangsa yang menyerlahkan kredibiliti Malaysia dan dikagumi seluruh dunia. Antaranya isu pertelingkahan Manila dan Bangsamoro, tragedi MH17, fahaman ekstrem pengganas IS dan perjuangan rakyat Palestin. Turut diberi penekanan, pencerahan terhadap konsep Islam sebenar yang sentiasa cintakan keamanan yang jauh dari amalan keganasan serta tindakan kejam yang melangkaui batas kemanusiaan. Berlandaskan prinsip keadilan sosial dalam amalan kesederhanaan yang dipraktikkan oleh Malaysia secara tak langsung juga berjaya membina keharmonian masyarakat berbilang kaum dalam negara. Buku yang mendokumentasikan realiti pelaksanaan wasatiyyah berdasarkan pengalaman Malaysia ini, wajar dijadikan panduan dan model kepimpinan bagi menggerakkan organisasi dalam semua peringkat.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




PAHROL MOHAMAD JUDI
**Bicara Iman Untuk
Tenang**

Kuala Lumpur: Telaga Biru
Sdn Bhd, 2016. 282ms.
ISBN 978-967-388-235-9

Setiap insan yang dilahirkan sebagai Islam, mempunyai iman di dalam diri masing-masing. Namun yang membezakannya sama ada kita menggunakan dan mempraktikkan iman tersebut dalam kehidupan kita seharian. Iman perlu diraih, perlu dilatih dengan niat, solat, doa, zikir dan tawakal yang berterusan. Lantas dengan adanya iman, diri akan lebih tenang. Seterusnya akan berjaya mengelak dan menahan diri daripada melakukan perkara yang keterlaluan dan di luar batasan. Buku ini amat sesuai sekali dibaca sebagai santapan pemurnian iman diri. Malahan dapat menjadi momentum untuk kita melatih iman diri setiap hari. Kisah-kisah di dalamnya akan menyentak kita tentang betapa pentingnya nilai keimanan di dalam diri. Semoga iman kita terus berbicara. Kerana bicaranya adalah ketenangan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



This book is very interesting because it is an author impressions' of undiscovered side of Malaysian. This is an attempt by the young journalist to explore and uncover topics such as how an ageing community dies out? Is Pahang's best ikan patin rarely in Temerloh? Why would a Frenchwomen be interested to migrate to a remote island in Terengganu etc. This journal gives an account of an exploration of caves, fishing islands and the people of Malaysia to capture the spirit of local travels.


AZIFF AZUDDIN
**Why I Travel : The
Journal Of A "Blind"
Hiker**

Petaling Jaya, Selangor:
MPH Publishing Sdn Bhd,
2017. 134ms.

ISBN 978-967-415-316-8

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




MOHD KHALID NORDIN
Membongkar Potensi dan Bakat

Nusajaya, Johor : Unit Media
dan Komunikasi, Pejabat
Menteri Besar Johor, 2017.
415ms.
ISBN: 9789834367145

Buku Membongkar Potensi dan Bakat ini adalah himpunan ucapan terpilih YAB Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled Nordin sepanjang tempoh tiga tahun pertama beliau memimpin politik Johor sejak Mei 2013 yang menyentuh tema pendidikan dan kemasyarakatan. Buku ini mengetengahkan visi dan misi YAB dalam mengangkat martabat Bangsa Johor melalui usaha membongkar potensi dan bakat ke arah menjadikan Johor sebuah negeri berkemajuan. Dalam konteks pendidikan dan kemasyarakatan, YAB amat memberi penekanan kepada soal pendidikan yang menjadi instrumen pengislahan bangsa. Pada masa yang sama, YAB tekad untuk memastikan Bangsa Johor kekal mempunyai jati diri bangsa yang utuh. Ini dapat dilihat melalui saranan YAB agar budaya dan warisan bangsa dapat dipertahankan serta potensi Johor menjadi Pusat Tamadun Melayu Nusantara berkepentingan global.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



DATO' ABD. AZIZ BIN
HUSSIN
**Memahami Ideologi
Jemaah Islamiah (JI) Dan
Prinsip-Prinsip
Pergerakannya**
Kuala Lumpur : Utusan
Publications & Distributors
Sdn Bhd, 2017. 238ms.
ISBN: 9789676127761

Jemaah Islamiyah (JI) adalah nama untuk kumpulan pengganas yang beroperasi di Asia Tenggara. Kegiatan kumpulan ini diketahui umum selepas peristiwa pengeboman sebuah pusat hiburan di Bali pada 12 Oktober 2002, yang mengorbankan 202 nyawa, dan pengeboman di hotel J.W. Marriot, Jakarta, pada 5 Ogos 2003, yang membunuh 12 orang. Peristiwa JI juga bertanggungjawab ke atas peristiwa pengeboman di hadapan pejabat Kedutaan Australia di Jakarta pada 9 September 2004, dan beberapa siri pengeboman gereja di Indonesia pada tahun-tahun sebelumnya. Sejak tahun 2000, JI telah melakukan lebih 50 operasi pengeboman. JI juga merupakan kumpulan yang menjadi pelopor kepada serangan berani mati di rantau ini. JI merupakan ancaman utama terhadap keselamatan di rantau Asia Tenggara. Buku ini turut membincangkan tentang ideology Salafiah Jihadiyah yang merupakan pegangan JI.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



HAJI WAN JOHARI WAN DAUD

Memoir Seorang Budak Kampung : Dari Kampung Bunut Susu Ke Victoria

Institution (VI)


Kajang, Selangor :
Tomodachi Sdn. Bhd., 2017.

96ms.

ISBN: 9789671432228

Setiap insan mempunyai kisah tersendiri, ada yang manis ada sebaliknya. Buku ini bertujuan untuk berkongsi kisah kehidupan penulis yang merupakan seorang ahli perniagaan tentang liku-liku kehidupan beliau yang berasal dari kampong akhirnya berjaya dalam kehidupan. Ia melakarkan kisah seorang tokoh yang sanggup berkorban bagi memenuhi cita-citanya. Penulis berkongsi zaman persekolahan awalnya di kampung iaitu di Sekolah Melayu Bunut Susu, Kelantan. Berkat sokongan dan pengorbanan ibu dan ayah serta kaum keluarga beliau telah berjaya melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam di Victoria Institution (VI), Kuala Lumpur dan seterusnya ke menara gading. Penulis berharap penulisan kisah hidupnya ini dapat memberi manfaat kepada generasi muda yang perlukan suntikan semangat seorang insane kampung yang telah mencapai tahap tertinggi dalam pelajaran peringkat menengah pada zaman yang serba kekurangan.


SINOPSIS BUKU



NORHAYATI JUSOH
Donald Trump Presiden Usa Ke 45 : Billionaire Penuh Kontroversi
Kajang, Selangor :
Casamas Resources Sdn Bhd, 2017.
ISBN: 9789675994920

Donald John Trump (lahir 14 Jun 1946) ialah seorang ahli perniagaan Amerika. Beliau adalah Presiden Amerika Syarikat ke-45 dan terkini. Trump telah mengumumkan untuk bertanding sebagai Presiden Amerika Syarikat pada pilihan raya presiden 2016. Meskipun kempen beliau yang menyentuh tentang pendatang tanpa izin, Islam dan ISIS telah menjadi kontroversi, beliau telah mendapat banyak sokongan daripada kebanyakannya keluarga kelas pertengahan Amerika sehingga beliau terpilih sebagai Presiden Amerika Syarikat pada 9 November 2016, setelah berjaya mengalahkan Hillary Clinton dengan perbezaan hanya sebanyak 77 undi sahaja. Beliau telah dilantik sebagai Presiden Amerika Syarikat ke-45 pada 20 Januari 2017 sebagai presiden Amerika yang tertua yang pernah menjawat jawatan tersebut.


SINOPSIS BUKU



HADI FAYYADH
Tarbiah Dari Langit :
Tuhan Sentuhlah Hatiku
Shah Alam, Selangor :
Inspirasee International
Sdn. Bhd., 2016. 233ms.
ISBN: 9789672020011

Buku 'Tarbiah Dari Langit – Tuhan Sentuhlah Hatiku', ingin membawa pembaca untuk terus berusaha untuk menjadi hamba Allah yang sejati. Apakah tujuan sebenar pencarian manusia yang dimaksudkan dalam hidup ini. Adakah cukup kita dengan hanya mencari selonggok wang dengan bekerja siang dan malam, yang akan menjadikan kita kaya. Adakah cukup dengan hanya retorik kononnya memiliki wanita atau lelaki idaman yang memanifestasikan cinta hingga ke syurga. Sesungguhnya manusia tidak akan berhenti mencari makna kehidupan dan mencapai kehambaan sejati kepada Allah SWT. Nikmat kasih sayang Allah yang dicurahkan kepada hambanya sangat luar biasa sentuhannya sehingga mampu menukar manusia yang keruh menjadi jernih dan memiliki kekuatan sebagai hamba yang tidak pernah terfikir oleh sesiapa.

SINOPSIS BUKU



KAK HASSANAH
**#HENSHIN MUSLIMAH:
FROM JAHILIAH TO
JANNAH!**
Shah Alam: Inspirasee
International. 2016. 260ms.
ISBN 9789671389003

Buku yang sangat menarik kerana pengisian yang sarat dengan ilmu pengetahuan ini memberi peringatan kepada muslimin. Pada hari akhirat nanti perkara pertama yang akan ditanya oleh Allah S.W.T. adalah berkaitan dengan solat. Solat menjadi pokok perbincangan penulis ini. Selain itu, penulis turut membincangkan mengenai aurat wanita, isu-isu yang berkaitan wanita, aktiviti harian sebagai wanita, tip penghijrahan diri kepada kehidupan yang lebih baik dan seterusnya jalan menuju ke jannah. Bahasa mudah difahami dan isi kandungannya diolah dalam bentuk santai. Sesuai dibaca oleh semua peringkat umur.


SINOPSIS BUKU



HAJAH ROHANI DATUK HJ
MOHD SHAHIR
ADA APA DENGAN RM? :
**UBAHLAH CARA ANDA
MELIHAT WANG DAN
CARA MENGURUSNYA**
Petaling Jaya, Selangor:
Galeri Ilmu. 2017.226ms.
ISBN 9789830976327

Buku ini memberi pencerahan kepada kita akan kepentingan perancangan kewangan. Faktor kewangan sering menjadi isu terutamanya dalam kehidupan keluarga. Penulis menyatakan bahawa "*hubungan yang baik tidak dapat dicapai jika diri mengalami masalah kewangan yang runcing dan untuk mendapatkan jiwa yang tenang hendaklah bebas daripada masalah kewangan, insya-Allah*". Penerangan yang diberi turut diselit dengan beberapa contoh cerita kisah Rasulullah dan dari pengalaman yang dialami oleh penulis sendiri supaya pembaca dapat memahaminya dengan jelas. Beliau menyatakan bahawa sumber kewangan yang halal walaupun sedikit akan dicukupkan oleh Allah. Panduan, tip, teknik dan nasihat berkaitan dengan kewangan atau perbelanjaan keluarga yang terkandung dalam buku ini amat memberi manfaat kepada pembaca. Buku ini sangat berguna, oleh itu ia perlu dimiliki oleh setiap keluarga muslim.

SINOPSIS BUKU



SHUHAIRY NORHISHAM
JINSEI IRO IRO HITO SORE ZORE: 10 TAHUN UNTUK SEGULUNG IJAZAH
Bandar Baru Bangi: MPWS
Rich. 2017.
ISBN 9789670942124

Pengalaman di negara matahari terbit telah memberi ilham kepada penulis untuk menulis buku ini. Jatuh bangun beliau dalam kehidupan sebagai pelajar di negara tersebut telah mencetuskan motivasi untuk dikongsi bersama pembaca, dan dalam masa yang sama beliau mempelajari ilmu kehidupan. Sebenarnya kegagalan tidak akan berpanjangan sekiranya kita sentiasa berusaha tanpa putus asa, sudah pasti kejayaan akan menemui kita. Walaupun telah mengambil masa 10 tahun, akhirnya beliau berjaya juga menggenggam segulung ijazah. Jatuh 7 kali, bangun 8 kali, kalimat yang perlu ada pada setiap individu yang sering berhadapan dengan kegagalan. Selain itu, penulis turut berkongsi pengalaman semasa bekerja 'part time' di Jepun di mana disiplin dan cara kerja di negara tersebut amat dititikberatkan. Buku ini harus dimiliki oleh semua pelajar yang sedang berjuang demi mencapai kejayaan.

SINOPSIS BUKU




PROF. DR. MUHAYA HJ
MOHAMAD
**RESET MINDA: MELAKAR
PETA KEHIDUPAN
POSITIF**
Kuala Lumpur: Utusan
Publication & Distributors.
2017. 237ms.
ISBN 9789676127754

Buku motivasi ini mengajak pembaca membuat perancangan untuk kesihatan fizikal dan mental kerana dikatakan bahawa kebanyakan kita pandai membuat perancangan hidup tetapi tidak bijak membuat perancangan kesihatan. Penulis menyatakan betapa pentingnya kita menjaga kata-kata kerana dari kata-kata ia akan memberi kesan kepada minda atau pemikiran. Sentiasa mengeluarkan perkataan yang positif kerana kata-kata itu adalah doa. Penulis turut menjelaskan antara golongan yang berjaya dengan golongan yang beralasan disusuli dengan membuat penelitian akan kelemahan diri dan tidak perlu mencari kelemahan diri orang lain. Konsep "dunia dalaman" yang berkaitan dengan hati dan rohani, menjadi faktor utama dalam menentukan "dunia luaran". Pelbagai panduan, tips dan nasihat yang boleh diamalkan oleh pembaca dalam menempuh kehidupan di dunia dan akhirat.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



ZAFROL RIZAL MAT &
DATO' ROSLAN AB. HAMID
**PLANET BISNES AZIZAN
OSMAN, HIKAYAT ASLI
PUAK KAYA DAN
BERJAYA**
Selangor. Azizan Osman
Publications. 2014. 177ms.
ISBN 9789670703053

Kandungan buku ini menghimpunkan peristiwa, pencerahan bermakna dan kata-kata bidalan daripada sesi yang dikendalikan oleh Dr. Azizan Osman. Setiap bait perkataan ini merupakan kata-kata motivasi, galakan, pembakar semangat, idea dan cetusan rasa yang dituturkan dari Dr. Azizan Osman yang amat berguna kepada penulis seterusnya menjadikan beliau sebagai orang yang berjaya. Buku yang diolah dalam bentuk bidalan ini penuh dengan nasihat dan sepanjang membaca buku ini anda akan sentiasa makin bersemangat. Sentiasa menekankan KAYA dan BERJAYA sebagai pembakar semangat agar pembaca dapat menghayatinya dan memahaminya setelah selesai membaca. Banyak perkara yang boleh dipelajari dari buku ini. Sesuai dibaca oleh orang yang mahu berjaya dalam kehidupan.

SINOPSIS BUKU




ZURIANI AB. KADIR
Hey, What's In The Oven
Kuala Lumpur : Utusan
Publications & Distributors,
2017. 63p.
ISBN 978-967-61-2781-5

Hey, What's In The Oven ini sesuai untuk semua yang ingin memasak menggunakan oven. Resipi yang dikongsikan ini telah melalui ujian dan dibuat berkali-kali oleh penulis untuk mendapatkan hasil yang memuaskan. Buku ini dihasilkan dengan dwibahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris untuk menarik minat lebih ramai pembaca. Asas membakar dan petua memasak turut dikongsikan dalam buku ini. Terdapat 29 buah resipi yang dipaparkan bersama ilustrasi berwarna yang menarik. Buku ini juga menyelitkan cara penggiraan sukatan bahan masakan (gram-cawan) untuk memudahkan lagi pembaca mengadun bahan masakan. Antara resipi yang boleh dicuba ialah skon, Makaroni Au Gratin, Sheperd's Pie, Kek Humming Bird, Brownies Walnut, Congo Bar, Almond Biscoti dan pelbagai lagi.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




MUHD. KAMIL IBRAHIM
Rumah Sakit : Dia Mahu Saya Menangis
Petaling Jaya, Selangor :
Galeri Ilmu Sdn Bhd, 2016.
221ms.
ISBN 978-983-097-618-1

Buku ini merupakan hasil tulisan yang menjurus kepada ujian yang diberikan oleh Allah SWT melalui pengalaman sakit kepada penulisnya. Buku ini digarap daripada catatan penulis berdasarkan kepada pengalaman beliau dikehjarkan dan dimasukkan ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) akibat serangan penyakit jantung yang kronik. Catatan ini menggambarkan penulis mempunyai banyak kerja yang masih belum dapat diselesaikan tetapi ujian sakit yang hadir itu sebagai peringatan bahawa Allah SWT memberi sedikit pinjaman masa untuk lebih bersedia. Beliau juga berdoa agar tuhan mengampunkan segala dosanya supaya apabila beliau pergi nanti dalam keadaan sihat sejahtera tanpa penyakit. Penulis melihat rumah sakit terbesar lagi canggih adalah 'dunia' itu sendiri.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




**ABDUL BASIT
99 Tips Pengurusan
Bisnes**

Kuala Lumpur : Byond Success Sdn Bhd, 2017.
198ms.

ISBN 978-967-14520-1-1

Buku ini merupakan himpunan tips pengurusan perniagaan yang telah dikongsikan oleh penulis di laman sosial *Facebook* beliau dan ketika seminar bermula pada tahun 2012 sehingga kini. Terdapat 99 tips yang diketengahkan dalam buku ini. Antara tips tersebut ialah: Bagaimana mahu bina syarikat, kenali risiko dan cara uruskannya, bagaimana hendak kembangkan pasukan, bagaimana kita hendak pergi jauh dalam perniagaan, cara kita uruskan fail syarikat dan banyak lagi. Penggunaan ayat yang ringkas dan mudah difahami dapat menarik minat pembaca untuk mempelajari teknik-teknik berkaitan pengurusan perniagaan yang berkesan. Buku ini sesuai dijadikan rujukan dan inspirasi kepada mereka yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan mengembangkan perniagaan sedia ada.

SINOPSIS BUKU



JOAQUIM HUANG
THE GREAT PARADIGM SHIFT : Rethink Beliefs That Harm You And Society
Kuala Lumpur : Joaquim Huang, 2017. 173p.
ISBN 978-967-11797-2-7

Asians are race conscious, and lately many have become viciously racist. The author believes that Malaysia and the world need a courageous public to rethink beliefs that damage our lives, to adopt new paradigm consonant with science and spirituality. This book calls for ground shift towards holotheism: understanding God as an infinite zero that excluded none from Its circle. This book promises to revolutionise your way of thinking in politics and religions. From each chapter to chapter, it encourages you to join the emerging partnership of science and spirituality that is on course to transform our understanding of God and bring a return to primeval inclusiveness and better public governance.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



**Ombak Tiga Bersaudara
: (Kumpulan Cerita-Cerita Rakyat Etnik Bajau Semporna)**

Kuala Lumpur : Jabatan Kebudayaan Dan

Kesenian Negara, 2008.


171ms.

ISBN 978-983-42225-5-0

Melalui paparan buku "Ombak Tiga Bersaudara: (Kumpulan Cerita-Cerita Rakyat Etnik Bajau Semporna)" pelbagai kisah berbentuk lagenda yang tersirat dengan teladan dan pedoman serta elemen pengajaran kepada masyarakat hari ini. Cerita-cerita rakyat tersebut bukan sahaja kaya dengan unsur-unsur pengajaran bahkan menyelusuri sejarah dan asal-usul tempat di Semporna, Sabah seperti "Kisah Pulau Kapal", "Kisah Pulau Kucing" dan "Gua Bohey Duru". Buku ini mengandungi sebanyak 30 buah himpunan cerita rakyat masyarakat etnik Bajau yang mendiami daerah Semporna. Buku ini sesuai dijadikan bahan bacaan untuk pembaca yang terdiri daripada golongan penyelidik, sarjana dan generasi akan datang supaya menghargai khazanah budaya tradisi dalam kelangsungan dan ketamadunan bangsanya.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




LEON TROTSKY
Lari Dari Siberia

Bandar Baru Bangi, Selangor
: Thukul Cetak,
2016. 102 ms.

ISBN 978-967-2011-20-0

Buku ini menceritakan catatan perjalan Trotsky dalam perjuangannya bersama kesatuan Soviet. Pada 3 Disember Kesatuan Soviet telah dikepung oleh tentera-tentera yang setia kepada kerajaan. Trotsky dan pemimpin-pemimpin Soviet yang seramai 15 orang telah dihadapkan ke pengadilan pada 1906, atas tuduhan menyokong pemberontakan bersenjata. Semasa perbicaraan, Trotsky telah memberikan beberapa ucapan yang terbaik sepanjang hayatnya dan membuktikan kebolehannya sebagai pemidato yang teragung. Dia disabitkan dengan kesalahan memberontak dan dijatuhi hukuman buang negara seumur hidup, dua orang telah diberikan hukuman yang lebih pendek di penjara dan semua yang lain telah dibebaskan.

SINOPSIS BUKU




SURAYA ALI
Travellis Jepun (Tokyo) : 6 Hari Pengembawaan Kali Pertama

Subang Jaya, Selangor :
MPWS Rich Publication Sdn.
Bhd., 2017. 229ms.
ISBN 978-967-0942-12-4

Buku ini mengisahkan pengalaman penulis yang mengembara ke Jepun buat kali pertama. Penulis juga berkongsi panduan serta gambaran kepada mereka yang diluar sana yang ingin menjelaskan kaki ke negara matahari terbit itu. Beberapa tips penting dikongsikan oleh penulis antaranya tips packing ringkas, anggran perbelanjaan, pembelian tiket dan pengurusan tempat tinggal. Buku ini juga menjadi panduan kepada mereka yang ingin ke Jepun secara sendirian dan merupakan pertama kali menjelak kaki ke Jepun. Buku ini dikhaskan kepada mereka yang ingin menikmati percutian dan pengembawaan ke Jepun secara santai. Penulis berharap panduan ringkas ini boleh membantu mereka yang ingin bercuti ke Jepun.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




MOHD ZULKIFLI SHAFIE
Wang Emas : Bertahan Ketika Gawat
Petaling Jaya, Selangor :
Galeri Ilmu Sdn. Bhd.,
2016. 220ms.
ISBN 978-983-097-637-2

Buku Wang Emas memberikan penekanan manfaat simpanan emas selain beli harga rendah jual harga tinggi. Buku Wang Emas juga menunjukkan jalan secara praktikal bagaimana simpanan emas untuk mampu membantu meningkatkan kedudukan kewangan setiap orang daripada mendisiplinkan diri menyimpan setiap bulan sehingga mencapai tahap "kebebasan kewangan". Kelebihan buku Wang Emas, ia bukan ditulis hanya berdasarkan kajian-kajian ilmiah, tetapi berdasarkan pengalaman-pengalaman praktikal penulis sendiri yang telah membimbing lebih 4,000 pembeli emas (direct buyer) seluruh negara, serta 'feedback' yang diterima oleh penulis sendiri melalui blog, facebook dan juga seminar-seminar yang disampaikan. Satu panduan berkesan kepada mereka yang sedang berjinak-jinak dalam dunia 'EMAS' dan sesiapa sahaja yang ingin masuk ke dunia itu.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



AHMAD DUSUKI ABD
RANI

Nota Ajal Seorang Mukmin

Shah Alam, Selangor :
Grup Buku Karangkraf
Sdn. Bhd., 2017. 269ms.
ISBN 978-967-86-0772-8

"Setiap yang bernyawa pasti akan merasakan kematian". Tetapi bagaimana keadaan kita mati? Adakah mati kita itu dalam keadaan yang indah atau penuh dengan kekeliruan? Bagaimana kehidupan kita selepas kematian? Dan mengapa Rasulullah SAW menangis di akhirat kelak? Semua persoalan ini akan terjawab di dalam buku Nota Ajal Seorang Mukmin. Buku ini membicarakan mengenai hakikat kematian, kehidupan kita selepas kematian, keadaan roh, sifat malaikat maut, serta keadaan-keadaan di dalam kubur, fitnah kubur dan seksaannya. Semua isu yang terkandung di dalam buku ini disampaikan dengan menggunakan bahasa yang santai dan mudah difahami. Paling penting ia bersumberkan al-Quran dan hadis yang sahih.

